

Penyata Pengerusi dan Pengarah Urusan

Tinjauan Menyeluruh

Berikutan penurunan sebanyak 11% dalam pasaran kenderaan bermotor Malaysia pada tahun 2006 sewaktu Dasar Automotif Nasional mula diperkenalkan, pasaran pada tahun 2007 juga terus lemah dan menurun sebanyak 1% lagi.

Prestasi

Hasil Kumpulan daripada operasi berterusan bagi tahun berakhir 31 Disember 2007 meningkat sebanyak 5% kepada RM630 juta. Kumpulan mencatat keuntungan bersih milik pemegang saham sebanyak RM7.4 juta yang meliputi kerugian sebanyak RM9 juta daripada operasi yang diberhentikan dan untung RM1 juta hasil daripada penjualan hartanah. Catatan ini adalah lebih rendah berbanding keuntungan bersih sebanyak RM45.7 juta pada tahun 2006 yang memanfaatkan daripada keuntungan sebanyak RM40.7 juta hasil daripada penjualan hartanah. Keuntungan bersih pada tahun ini daripada operasi berterusan

adalah sebanyak RM15.4 juta, lebih tinggi berbanding tahun lepas, di mana RM11.2 juta daripada jumlah itu diterima daripada pelaburan Syarikat dalam Mercedes-Benz Malaysia (dahulu dikenali sebagai DaimlerChrysler Malaysia).

Hutang bersih Kumpulan adalah sebanyak RM45 juta pada 31 Disember 2007, menurun daripada RM116 juta pada akhir tahun sebelumnya berikutan penurunan modal kerja Kumpulan hasil daripada pengurangan bilangan stok kenderaan bermotor.

Lembaga Pengarah mengesyorkan dividen akhir sebanyak 5 sen sesaham tolak cukai yang mana, berserta dengan dividen interim sebanyak 5 sen sesaham tolak cukai, akan membawa jumlah dividen bagi tahun 2007 sebanyak 10 sen sesaham tolak cukai (2006: 10 sen tolak cukai sebelum dividen khas sebanyak RM2.03 sesaham tolak cukai).



Penyata Pengerusi dan Pengarah Urusan

Perkembangan

Sepanjang tempoh lima tahun yang lalu, Syarikat telah menyaksikan perubahan dalam strukturnya dan dalam industri permotoran di mana ia beroperasi. Perubahan tersebut bermula pada tahun 2003 dengan perubahan peranannya daripada pengedar kepada penjual Mercedes-Benz, dan baru-baru ini perubahan berikutan cabaran yang dibawa oleh Dasar Automotif Nasional. Langkah-langkah perlu telah diambil oleh Kumpulan untuk menyesuaikan dengan perubahan tersebut, termasuk langkah pengurangan kos, penjualan hartanah lebihan, penjualan perniagaan yang mencatat kerugian dan program pembangunan semula rangkaian wakil jualan Mercedes-Benz yang hampir selesai.

Di bawah perjanjian dengan Daimler AG pada masa ini, dividen tahunan Syarikat yang berjumlah RM11.2 juta daripada pelaburannya dalam Mercedes-Benz Malaysia akan dijadualkan luput pada akhir tahun 2007. Walau bagaimanapun, pengatur dividen tersebut kini telah

dilanjutkan hingga akhir bulan Jun 2008, di mana selepas itu dividen akan dikurangkan kepada 300 mata asas lebih tinggi daripada hasil bagi bon 5 tahun Kerajaan Malaysia. Berdasarkan kadar faedah pada masa ini, pelaburan tersebut akan menghasilkan dividen tahunan sebanyak kira-kira RM4.3 juta.

Aktiviti Perniagaan

Syarikat mendaftarkan 1,440 buah kereta penumpang Mercedes-Benz pada tahun 2007 iaitu satu peningkatan pada kadar 3%. Walaupun margin masih kekal rendah, namun S-Class baru yang dilancarkan pada bulan Jun dan C-Class baru yang dilancarkan pada bulan November telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada pasaran. Sungguhpun sumbangan daripada perkhidmatan selepas jualan turut meningkat, namun catatan pada tahun 2008 dijangka akan berkurangan disebabkan oleh perubahan terhadap dasar waranti Mercedes-Benz Malaysia. Overhead yang lebih tinggi turut ditanggung berikutan pemasangan perisian pengurusan wakil jualan Kerridge Autoline pada tahun ini.

Perniagaan kereta Mazda yang telah dibina sepenuhnya kekal mencabar disebabkan oleh harga yang kurang kompetitif. Jualan meningkat sebanyak 52% kepada 875 buah kereta berikutan penjualan stok lama lebih dahulu daripada rangkaian produk baru yang dilancarkan bagi tahun 2008. Walau bagaimanapun margin masih kekal rendah.

Aktiviti pemasangan Sinotruk telah bermula pada bulan Ogos 2007 dengan jumlah trak yang dibina menjelang akhir tahun adalah sebanyak 30 buah. Walau bagaimanapun, kelewatan mendapatkan kelulusan yang perlu daripada pihak-pihak berkuasa tempatan telah mengakibatkan penundaan penghantaran sehingga ke suku pertama tahun 2008.

Perniagaan Alat Ganti dan Aksesori Kumpulan kekal tidak menguntungkan, walaupun jumlah jualan meningkat. Ini disebabkan oleh penurunan nilai stok dan penghutang.

Francais Peugeot yang mencatat kerugian telah diberhentikan pada akhir tahun 2007 dan kebanyakan asetnya yang berkaitan dengan perniagaan telah pun dijual. Hartanah yang digunakan oleh perniagaan berkenaan juga dijual dengan harga RM11 juta. Penjualan tersebut dijangka akan diselesaikan pada suku kedua tahun 2008 bakal menghasilkan anggaran keuntungan sebanyak RM7.5 juta.

Pada bulan September 2007, Kumpulan mengumumkan penjualan sebuah hartanah di Sepang dengan harga RM11.7 juta. Penjualan tersebut dijangka akan diselesaikan pada suku pertama tahun 2008 bakal menghasilkan lagi anggaran keuntungan sebanyak RM4.7 juta.

Kakitangan

Tan Sri Abdul Halim Ali yang bersara daripada jawatan Pengerusi dan pengarah Syarikat pada 10 Mei 2007 telah digantikan oleh Tan Sri Samsudin Osman. Kami ingin mengucapkan terima kasih kepada Tan Sri Abdul Halim Ali atas sumbangan besar beliau kepada Kumpulan.

Penyata Pengerusi dan Pengarah Urusan

Bagi pihak Lembaga Pengarah, kami juga ingin mengucapkan setinggi penghargaan kepada semua kakitangan Syarikat dan syarikat-syarikat subsidiarinya atas dedikasi dan khidmat setia mereka. Kami juga ingin menyampaikan ucapan penghargaan kepada semua pelanggan, pemegang saham dan rakan kongsi kami atas sokongan mereka.

Prospek

Pada tahun 2007 Kumpulan telah menjual francais yang mencatat kerugian dan dijangka akan memperoleh manfaat daripada penjualan tersebut, namun masa depannya masih kelihatan mencabar

disebabkan tekanan yang berterusan ke atas margin dan jangkaan pengurangan pendapatan dividen daripada Mercedes-Benz Malaysia. Langkah-langkah perlu akan diambil untuk terus memperkemarkan struktur Kumpulan dan mengurangkan asas kosnya.

Tan Sri Samsudin Osman
Pengerusi

Steven Gareth Foster
Pengarah Urusan
26 Februari 2008



CLS 350